



**Semua Ketua Jabatan Negeri,  
PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 4 TAHUN 2020**

**KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK  
BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pemberian kuasa oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menandatangani kontrak Kerajaan bagi pihak Kerajaan Negeri mengikut seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973) serta tatacara penyediaan dokumen kontrak.

**LATAR BELAKANG**

2. YAB Ketua Menteri Pulau Pinang melalui suratcara bertarikh 7 April 2020 telah memberi kuasa di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973) kepada pegawai-pegawai kerajaan yang disebutkan jawatannya untuk menandatangani semua jenis kontrak yang disediakan oleh jabatan masing-masing bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mengikut had harga kontrak yang ditetapkan seperti dalam Jadual 1- Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak.

Jadual 1 - Had Kuasa Pegawai dan Nilai Kontrak

BIL.	PEGAWAI YANG DIBERIKUASA	NILAI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI) (RM)
1.	<b>YB Setiausaha Kerajaan Negeri</b>	50,000,000.00
2.	<b>YB Pegawai Kewangan Negeri</b>	20,000,000.00
3.	<b>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</b>	
	a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)	5,000,000.00
	b. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)	5,000,000.00
	c. Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Khidmat Pengurusan)	200,000.00
	d. Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Perumahan)	200,000.00
4.	<b>Jabatan Kewangan Negeri</b>	
	a. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	2,000,000.00
	b. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)	200,000.00
5.	<b>Jabatan Kerja Raya</b>	
	a. Pengarah	2,000,000.00
	b. Jurutera Awam Penguasa (Jalan)	1,000,000.00
	c. Jurutera Daerah	500,000.00
6.	<b>Jabatan Pengairan dan Saliran</b>	
	a. Pengarah	2,000,000.00
	b. Timbalan Pengarah 1	1,000,000.00
	c. Jurutera Daerah	500,000.00
7.	<b>Jabatan Pertanian Negeri</b>	
	a. Pengarah	500,000.00
8.	<b>Pejabat Tanah dan Galian</b>	
	a. Pengarah	500,000.00

BIL.	PEGAWAI YANG DIBERIKUASA	NILAI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI) (RM)
9.	<b>Pejabat Daerah dan Tanah</b> a. Pegawai Daerah	500,000.00
10.	<b>Jabatan Perkhidmatan Veterinar</b> a. Pengarah	500,000.00
11.	<b>Jabatan Perhutanan Negeri</b> a. Pengarah	500,000.00
12.	<b>Jabatan Perancang Bandar dan Desa</b> a. Pengarah	500,000.00
13.	<b>Jabatan Kebajikan Masyarakat</b> a. Pengarah	500,000.00
14.	<b>Jabatan Taman Botani</b> a. Pengarah	500,000.00
15.	<b>Jabatan Hal Ehwal Agama Islam</b> a. Pengarah	500,000.00
16.	<b>Jabatan Mufti Negeri</b> a. Mufti Kerajaan Negeri	500,000.00
17.	<b>Jabatan Kehakiman Syariah</b> a. Ketua Hakim Syarie	500,000.00
18.	<b>Jabatan Pendakwaan Syariah</b> a. Ketua Pendakwa Syarie	500,000.00

### PELAKSANAAN

3. Penyediaan semua jenis dokumen kontrak oleh jabatan-jabatan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 204 dan 205. Pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak juga adalah bertanggungjawab memastikan tatacara pengurusan perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa adalah dipatuhi sepenuhnya dalam melaksanakan semua jenis kontrak kerajaan sebelum kontrak ditandatangani bagi melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.

4. Jabatan-jabatan yang menguruskan kontrak yang melebihi had nilai kontrak yang ditetapkan seperti jadual di atas hendaklah mengemukakan dokumen kontrak tersebut yang telah disemak oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam tempoh tidak melebihi empat belas (14) hari daripada tarikh dokumen kontrak ditandatangani oleh pihak syarikat.

#### **TARIKH KUATKUASA**

5. Surat Pekeliling ini **berkuatkuasa mulai 7 April 2020** iaitu pada tarikh suratcara ditandatangani oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di bawah seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak-1973).

#### **PEMBATALAN**

6. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2018 dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SARUL BAHYAH BINTI HAJI ABU)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang

Tarikh : **16** April 2020

**sk :** YAB Ketua Menteri  
Pulau Pinang

YB Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang